



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	23/6/2021	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	-			

Kreativiti selamatkan Taman Buaya Melaka

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA (MSA)**
utusannews@mediamuka.com.my

MELAKA: Taman Buaya dan Rekreasi Melaka kini dibuka semula kepada orang ramai untuk melihat demonstrasi memberi buaya makan termasuk ketua sang bedal digelar 'King' seberat 900 kilogram.

Namun, lawatan itu dibuka secara maya menerusi platform Google Meet.

Pengurus Besarinya, Ahmad Syarifuddin Mohamad berkata, lawatan secara maya itu mula dibuka pada 12 Jun lalu dan sebanyak 10,000 permohonan pengunjung diterima untuk dua sesi pada setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Katanya, sesi itu dibuat secara langsung melibatkan lawatan ke seluruh taman berkenaan dan slot utama demonstrasi memberi buaya makan, termasuk King yang panjangnya hampir 4.9 meter.

"Lawatan secara maya ini adalah alternatif yang dilakukan pihak kami sepanjang tempoh pandemik Covid-19 untuk terus memberi peluang kepada orang ramai termasuk individu, ahli keluarga dan organisasi mengadakan aktiviti melibatkan lawatan zoo.

"Setakat ini kita menerima



DEMONSTRASI memberi buaya makan merupakan antara tentatif menarik ditawarkan melalui lawatan secara maya oleh Taman Buaya dan Rekreasi Melaka, Ayer Keroh, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

10,000 permohonan dan lebih 2,000 mengikuti lawatan secara maya ini.

"Sesi lawatan secara langsung ini mengambil masa selama 1 jam 30 minit," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau memberitahu, pengunjung diberikan pendedahan dan maklumat mengenai spesies buaya tempatan iaitu tembaga, siam, jejulong dan seekor buaya dari luar negara, buaya Caiman.

Orang ramai yang berminat boleh mengisi borang permohonan dan membeli tiket berharga RM7 bagi setiap individu untuk mengikuti lawatan secara Google Meet menerusi talian 017-4552294.